

**Ketua Menteri Sarawak Mahu Setiausaha Politiknya Bekerjasama Dengan Wakil Rakyat BN Bernama**  
**18 Mac, 2014**

KUCHING, 18 Mac (Bernama) -- Setiausaha politik kepada ketua menteri sarawak dinasihatkan supaya memberi kerjasama sepenuhnya kepada wakil rakyat Barisan Nasional (BN) tanpa mengira komponen parti yang diwakili mereka.

Ketika memberikan nasihat ini, Ketua Menteri Tan Sri Adenan Satem juga mengingatkan semua setiausaha politiknya untuk mengubah dan memperbaiki cara mereka bekerja selain sentiasa proaktif dan efisien.

Adenan berkata demikian semasa memberikan taklimat kepada 30 setiausaha politik kepada ketua menteri yang mengangkat sumpah jawatan di hadapannya dalam satu majlis yang diadakan di pejabatnya di Wisma Bapa Malaysia di sini.

Ketua setiausaha politik ketua menteri, Abdullah Saidol berkata ketua menteri juga mahu semua setiausaha politik mengetahui dengan baik mengenai sejarah politik di Sarawak.

"Banyak perkara berhubung cara kita bekerja perlu diubah selepas ini kerana ketua menteri tidak mahu setiausaha politik yang tidak aktif dan tidak efisien," kata Abdullah yang mengucapkan terima kasih kepada ketua menteri kerana melantik semula beliau sebagai ketua setiausaha politik untuk tempoh tiga tahun.

Empat muka baharu dilantik - tiga dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan seorang dari Parti Rakyat Sarawak (PRS).

Mereka ialah Dayang Raoyah Abang Adeng, Jefferson Jamit Unyat dan Romeo Christopher Tegong dari PBB dan Majang Renggi dari PRS.

Dari sejumlah 30 setiausaha politik yang dilantik hari ini, PBB mencatat jumlah tertinggi iaitu 16 orang, PRS (lima), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) lima dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) empat.

**Senarai penuh:**

**PBB:** Abdullah Saidol (ketua setiausaha politik), Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, Abu Seman Jahwie, Ripin Lamat, Halmi Hazmi, Awangku Jamuddin Pengiran Kon, Isik Utau, Maurice Joannes Giri, Dayang Raoyah Abang Adeng, Jefferson Jamit Unyat, Roneo Christopher Tegong, John David Nyauh, Kenil Jaraiee, Victor Temenggong Anggang, Tengku Gruna dan Robert Laing Anyie.

**PRS:** Datuk Wilfred Nissom, Wilson Nyabong Ijang, Richard Will Uban, Angeline Umih Tujok and Majang Renggi.

**SUPP:** Andrew Shilling Banggit, Phang Dah Nan, Suzanne Lee Tze Ha, Ku Fut Po dan Liew Ah Lek.

**SPDP:** Paul Igai, Pau Kiew Chuang, Kijan Toynbee @Ipang dan Peter Howell Jalan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022811>